

DATE:16/9/2010

Jamhariah
Jaafar



jamhariah@bharian.com.my

Hari Malaysia penyatu seluruh bangsa

BH-16/09/2010

16 September tanggal keramat persefahaman kaum, semarak gagasan 1Malaysia

AKHIRNYA Hari Malaysia yang menandakan pembentukan satu Persekutuan Malaysia - menggandingkan Semenanjung, Sabah dan Sarawak - menjadi hari peringatan penting bagi seluruh rakyat Malaysia.

Tarikh 16 September 1963, adalah tanggal keramat bagi seluruh Persekutuan Malaysia kerana ia hari yang menggabungkan Malaya, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura yang membentuk sebuah negara rasmi yang dikenali sebagai Malaysia.

Asalnya pembentukan Malaysia ini dicadangkan pada tarikh 1 Jun, 1963, sebelum ditetapkan pada 31 Ogos, seiring dengan perayaan Hari Kemerdekaan, namun beberapa isu tercetus terutama membabitkan bantahan Indonesia dan Filipina, berikutan tidak bersetuju dengan persempadanan negara, pembentukan sebuah negara Persekutuan Malaysia hanya dapat direalisasikan pada 16 September.

Bagaimanapun, tarikh memperingati Hari Malaysia ini tidak mendapat tempat sewajarnya kerana ia dibayangi dengan tarikh keramat 31 Ogos, yang membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan British.

Ia mencetus rasa kecewa terutama di kalangan rakyat Sabah dan Sarawak kerana tarikh 16 September adalah tarikh kemerdekaan ke-

dua-dua negeri ini melalui pembentukan Persekutuan Malaysia.

Kekecewaan itu akhirnya tertebus apabila Perdana Menteri Malaysia keenam, Datuk Seri Najib Razak, mengumumkan secara rasmi di Parlimen bahawa Hari Malaysia diberi pengiktirafan sewajarnya dan mulai 2010, tarikh 16 September, bukan saja diisytiharkan sebagai cuti umum tetapi akan diraikan seluruh rakyat Malaysia.

Ketika pengumuman itu, Najib berkata, Hari Merdeka (31 Ogos) mengingatkan kita perjuangan mencapai kemerdekaan daripada penjajahan, yang dirayakan dengan pelbagai acara rasmi seperti perarakan dan sebagainya, manakala Hari Malaysia pula akan dirayakan dengan acara yang dapat mengeratkan perpaduan, persefahaman antara kaum, kejayaan dan pencapaian masyarakat menerusi bidang sukan, sosiobudaya, kesenian dan lain-lain yang akan menyemarakkan semangat 1Malaysia.

Justeru, tanggal 16 September wajar diraikan sebagai memperingati hari bersejarah bagi rakyat Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak kerana pelbagai kaum dan etnik bersatu mencapai kemerdekaan melalui pembentukan Malaysia.

Seharusnya rakyat di seluruh negara dapat merapatkan lagi hubungan antara kaum dalam suasana

muhibah. Gagasan 1Malaysia akan bertambah mudah jika semua kaum dapat bersatu menjadi sebuah masyarakat yang kukuh jati dirinya.

Bagaimanapun, seluruh rakyat Malaysia seharusnya jujur dalam mencari pengertian mengenai 1Malaysia yang menjadi pegangan Perdana Menteri keenam ini dan ketegasan Najib dalam memastikan konsep ini bersandar kepada Perlembagaan Persekutuan perlu dihormati semua pihak.

Timbalan Presiden MCA, Datuk Liow Tiong Lai, ketika diminta mengulas mengenai sambutan Hari Malaysia turut mengaitkannya dengan gagasan 1Malaysia yang menjadi sandaran rakyat Malaysia hari ini.

"Ya semangat 1Malaysia, saya berharap semoga keharmonian, perpaduan dan semangat muhibah dalam kalangan seluruh rakyat Malaysia akan berpanjangan. Rakyat harmoni, negara akan menjadi maju dan makmur," katanya.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, ketika ditemui baru-baru ini turut mengulas mengenai semangat perpaduan antara kaum yang agak rapuh dan isu perkauman kini menjadi seperti 'api dalam sekam' dalam kalangan rakyat pelbagai kaum Malaysia.

Tegasnya, sudah tiba masa seluruh rakyat pelbagai kaum negara ini

melihat secara serius mengenai hubungan yang wujud hari ini sebagai satu rakyat Malaysia, tanpa bersandar kepada kaum masing-masing.

"Masa dulu, isu perkauman ini tidak begitu terasa. Perkara utama sekali ialah pertumbuhan ekonomi dan ia dinikmati seluruh rakyat. Hanya melalui cara ini, mereka (seluruh rakyat Malaysia) tidak berasa lagi kewujudan perbezaan kaum kerana mereka berasa nikmat sebagai rakyat Malaysia dan (dengan itu) mudah mengakui diri mereka rakyat Malaysia," katanya.

Menjawab soalan, Dr Mahathir berkata antara cara terbaik untuk memastikan seluruh rakyat Malaysia menerima hakikat mereka bernaung di bawah Jalur Gemilang ialah dengan melihat cara terbaik untuk melepaskan 'nama bangsa masing-masing'.

"Selagi kita masih dikenali dengan nama negara asal kita, ia akan terus mengasingkan diri masing-masing. Kalau kita melihat negara lain yang mempunyai penduduk pelbagai bangsa seperti Amerika Syarikat - bila bercakap mereka akan menyatakan diri mereka sebagai 'American'.

"Apabila tengok nama kita tak boleh nak bezakan mereka ini orang putih ke, hitam, coklat atau orang kuning... dia orang tak kata 'we are German American', atau

'Italian American'.

"Semua mengaku mereka rakyat Amerika dan bercakap hanya dalam satu bahasa. Walaupun asal datang dari Eropah, Cina atau India. Orang Cina atau India pun bila dah jadi rakyat Amerika, jadi amat 'American'... mereka tidak lagi menyebut lagi negara asal dan tidak meminta budaya mereka dikekalkan," kata Dr Mahathir.

Bagaimanapun, beliau mengaku proses ini memerlukan masa untuk dilaksana di Malaysia, namun yakin sekiranya seluruh rakyat Malaysia bersatu ia mampu direalisasikan satu hari nanti.

"Proses ini akan mengambil masa, tapi saya yakin kalau kita dapat jayakan dan semua orang tidak berasa lagi dia terancam dan tertekan, mudah bagi kita untuk mencapainya," katanya.

Justeru, usaha meraikan secara rasmi Hari Malaysia hari ini adalah masa terbaik bagi seluruh rakyat Malaysia untuk bermuhasabah diri menentukan masa depan dan hala tuju mereka sebagai sebuah keluarga Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Konsep 1Malaysia landasan terbaik untuk memulakan gerakan serius ke arah penyatuan seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, etnik sama ada mereka dari Semenanjung, Sabah atau Sarawak!